

UMP juara sepak takraw

Berjaya atasi tekanan hasil semangat juang pemain

Si Man (Katan) Selaja 15/12/1994

ZULKHAIRIL ZAINUDDIN

KUANTAN – Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Sirkuit Akhir Grand Prix Pahang anjuran Majlis Sukan Pahang setelah menewaskan pasukan Bomba Kuantan pada perlawanan akhir di Dewan Serba Guna Muadzam Shah.

Sebanyak 25 pasukan menyertai kejohanan itu antaranya Majlis Daerah Pekan, Universiti Teknologi Nasional (Uniten) dan pasukan Bomba Kuantan.

HEBAHKAN
Aktiviti Komuniti Anda
Hubungi
Sinar Harian

UMP berjaya mengatasi tekanan walaupun beberapa kali kecaciran mata dan hasil semangat juang pemain UMP, mereka akhirnya dapat mengalahkan pasukan Bomba Kuantan dengan keputusan 18-21, 21-17 dan 15-13.

Majlis perasmian kejohanan itu disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Manusia yang juga Ahli Parlimen Muazam Shah, Datuk Maznah Mazlan.

Pengurus Pasukan UMP, Abd Rahman Safie berkata, pencapaian pasukan UMP iut amat membanggakan memandangkan UMP hanya layak ke peringkat separuh akhir pada kejohanan sirkuit yang lalu.

Pasukan UMP yang pada awalnya mencari ren-

tak permainan, akhirnya berjaya membuktikan bahawa pasukan itu antara pasukan yang disegani di negeri Pahang.

Menurutnya, UMP akan meneruskan usaha mencari bakat baru untuk meningkatkan mutu permainan dan memberi saingan lebih hebat pada kejohanan besar akan datang terutama dalam Kejohanan Sukan Staf pada tahun hadapan.

Sementara itu, kapten pasukan sepak takraw UMP, Irwan Shahrizal Amir Hamzah berkata, kemenangan itu merupakan hasil sokongan semua pihak dalam memastikan sukan sepak takraw di UMP terus aktif selain memartabatkan sukan ini di mata umum.



■ Irwan Shahrizal (kiri) dan Musif Kassim (dua, kanan) bergambar bersama pemain UMP.